

1118MST 01 03 85

R B350 AAB
MAHATHIR - UMNO

1985

JITRA; 1 MAC (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO YANG TIDAK TERLIBAT DALAM PEMECAHAN BAHAGIAN MENGIKUT KAWASAN BARU PARLIMEN PATUT MENGEKALKAN PEMIMPIN SEKARANG. KATANYA, TEMPOH PEMIMPIN SEKARANG MEMEGANG JAWATAN MASIH ADA DAN KEDUDUKAN MEREKA SEPATUTNYA TIDAK DIUBAH.

PERDANA MENTERI, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MENEGASKAN BAHAWA PEMILIHAN KETUA SEPATUTNYA MELIBATKAN BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO YANG BARU MENGIKUT KAWASAN BARU PARLIMEN YANG DIWUJUDKAN BARU-BARU INI.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI SINI MALAM TADI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMNO BAHAGIAN ITU AKAN MENGADAKAN PERSIDANGAN PERWAKILANNYA NEI DEPAN.

DITANYA MENGENAI PENGGUNAAN WANG DALAM PEREBUTAN JAWATAN DALAM PARTI, BELIAU DENGAN TEGAS MENASIHATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA JANGAN MENGGUNAKAN DUIT RINGGIT UNTUK MENDAPATKAN JAWATAN.

+ SAYA TELAH MENYENTUH MENGENAI PERKARA INI BEBERAPA KALI. TIDAK PERLU BAGI SAYA MENGULANGINYA SELALU,+ KATANYA.

MENGENAI MESYUARAT JAWATANKUASA UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENERANGKAN MENGENAI PERGOLAKAN POLITIK SEMASA, SEBAB-SEBAB DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN MENGUNDUR DIRI SEBAGAI MENTERI BESAR DAN PERLANTIKAN DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF SEBAGAI PENGGANTINYA.

BELIAU JUGA BERKATA MASALAH BERHUBUNG DENGAN PEMBELIAN PADI OLEH LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN) JUGA DIBINCANGKAN.

+ DATUK PADUKA HAJI OSMAN AKAN CUBA MENYELESAIKAN MASALAH ITU,+ KATANYA Sambil MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN SELALU MEMANDANG SERIUS MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PETANI.

KATANYA, MENTERI BESAR TELAH MEMBERI PENJELASAN MENGENAI MASALAH POTONGAN DALAM PEMBELIAN PADI OLEH LPN YANG BERLAKU SEMASA PERAYAAN TAHUN BARU CINA BARU-BARU INI.

APABILA DITANYA SAMA ADA BELIAU MENYENTUH MENGENAI PILIHANRAYA AKAN DATANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, +SECARA UMUM SEMUA (PARTI) MESTI SELALU BERSEDIA.+

DITANYA SAMA ADA PERSEDIAAN ITU MEMBAYANGKAN PILIHANRAYA MUNGKIN DIADAKAN LEBIH AWAL DARIPADA TEMPOH SEPATUTNYA, BELIAU MENJAWAB, +SEPANJANG MASA MESTI BERSEDIA.+

KETIKA MENJAWAB SOALAN BERHUBUNG DENGAN CADANGAN PEMBELIAN SAHAM SYARIKAT TAYAR I.T. INTERNATIONAL DI SINI OLEH SIME DARBY YANG MEMBIMBANGKAN SETENGAH PIHAK TERMASUK PEMUDA UMNO, PERDANA MENTERI BERKATA PANDANGAN PEMUDA UMNO DAN KEPENTINGAN BUMIPUTERA AKAN DIAMBIL KIRA.

PEMUDA UMNO MEMINTA KERAJAAN SUPAYA MEMPASTIKAN PENGAMBILAN ALIH SYARIKAT ITU OLEH SIME DARBY TIDAK MENJEJASKAN EKUITI BUMIPUTERA.

PEMUDA UMNO MAHUKAN EKUITI BUMIPUTERA DALAM SYARIKAT TAYAR ITU DIKEKALKAN KERANA MEREKA BIMBANG PENGAMBILAN ALIH OLEH SIME DARBY MUNGKIN MENJEJASKAN KEPENTINGAN BUMIPUTERA.--BERNAMA RD

0953MST 01 03 85